

PENGUSAHA-PENGUSAHA FOOD TRUCK HARI PENEROKA

NAJIBRAZAK.COM

July 22, 2017

Walaupun jadual kerja saya padat semalam, saya gembira dapat meluangkan masa berjumpa dan berbual dengan pengusaha-pengusaha food truck semasa singgah di sambutan Hari Peneroka untuk membeli juadah minum petang.

Kebanyakan mereka merupakan anak-anak Felda generasi kedua dan ketiga, yang datang dari seluruh pelosok negara untuk sama-sama menyambut Hari Peneroka. Ada yang dari Felda Semenchu, Johor, Felda Teloi Timur, Kedah dan ada juga yang datang dari Negeri Sembilan.

Sesungguhnya, saya sangat berbangga melihat anak-anak Felda sekarang kerana ramai sudah menceburi bidang keusahawanan dan sudah menjadi usahawan berjaya, hasil daripada bantuan dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dan saya pasti kejayaan anak-anak Felda hari ini memenuhi visi Ayahanda saya ketika beliau menubuhkan Felda.

Esok, saya akan bersama-sama warga Felda di Dataran Putrajaya untuk menyambut Hari Peneroka dan saya ingin menyeru rakyat Malaysia untuk turut hadir, meraikan peneroka-peneroka yang telah membuktikan usaha mereka dan menyumbang kepada pembangunan negara.

©2017 Copyright Reserved NajibRazak.com, Blog, Featured Articles

Source: <https://www.najibrazak.com/bm/blog/pengusaha-pengusaha-food-truck-hari-peneroka/>